



# Pasukan Penyelidik KUKUM Raih Kemenangan Biogenesis Challenge 2003

**Pasukan** Prof. Dr. Mohd Noor Ahmad, Penyelaras Program Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan Alam Sekitar dari Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang telah berjaya menghasilkan sebuah 'nutra biostrip' yang boleh mengesahkan kandungan dan kualiti herba sesebuah bahan yang hendak diuji telah muncul sebagai pemenang di dalam pertandingan Melaka Biogenesis Challenge 2003 pada 13 Januari 2005 lalu.

Pasukan penyelidikan yang turut dianggotai oleh Profesor Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor Akademik KUKUM, telah meraih pengiktirafan daripada Y.A.B Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa perasmian Institut Bioteknologi Melaka di Ayer Keroh, Melaka Bandaraya Bersejarah.

Pertandingan Melaka Biogenesis Challenge 2003 adalah suatu inisiatif Kerajaan Negeri Melaka melalui Bahagian Bioteknologi Melaka yang mempunyai matlamat untuk memula, menggalak dan merangsang industri bioteknologi di negeri Melaka. Cabaran ini membuka peluang kepada penyelidik-penyelidik atau saintis-saintis untuk mengemukakan hasil-hasil kajian mereka yang boleh dikomersialkan dari berbagai cabang bioteknologi seperti agrobioteknologi, perubatan, makanan dan bioteknologi alam sekitar.

Pertandingan Melaka Biogenesis Challenge 2003 melibatkan dua peringkat. Semasa di peringkat pertama ia melibatkan sebanyak 32 penyertaan dari pelbagai institusi termasuk universiti, institusi penyelidikan seperti IMR, MARDI dan lain-lain lagi. Di peringkat kedua pula, seramai 13 peserta telah dipilih setelah dinilai secara teliti oleh hakim-hakim yang dilantik yang juga merupakan pakar dalam bidang bioteknologi dan sedang berkhidmat di universiti-universiti seluruh negara.

Projek yang telah berjaya ke peringkat kedua ini dinilai dari segi aspek pengkomersialan oleh syarikat pengkomersialan yang menitikberatkan kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan oleh para peserta. Seterusnya enam peserta terbaik telah disaring dan dihakimi dengan lebih terperinci daripada aspek pengkomersialan dan telah membuat persembahan berbentuk 'power point' di hadapan hakim-hakim dari syarikat pengkomersialan.

Kemenangan Prof. Dr. Mohd Noor di pertandingan tersebut telah melayakkan KUKUM memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM10,000. Sumber kewangan untuk projek penyelidikan yang akan dijalankan tersebut selain dapat menjalinkan hubungan dengan pelabur-pelabur bagi membolehkan produk-produk penyelidikan dikomersialkan.

Dalam pada itu, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM yang ditemui selepas majlis penyampaian hadiah berkata, kemenangan tersebut merupakan satu penghormatan yang cukup besar bagi sebuah universiti yang masih baru seperti KUKUM. Ia jelas membuktikan komitmen serta kerja keras yang ditunjukkan oleh warga kerjanya dalam merealisasikan visi universiti menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara yang berlandaskan kepada moto mereka iaitu Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan.

KUKUM kata Prof. Dato' Kamarudin lagi telah memutuskan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti akan memberikan penekanan kepada tujuh 'niche area' bidang kejuruteraan yang ditawarkan oleh Pusat-pusat Pengajian Kejuruterannya untuk dimajukan. Antara bidang-bidang yang akan diberikan penekanan khusus tersebut ialah 'sustainable engineering (recycling)', 'microelectronic and nanno technology', 'sensor technology and application', 'autonomous system and machine vision', 'electrical machine design and drives', 'acoustics' dan 'network computing'.

